

# Pengajian Undang-undang Dalam Sejarah Pembinaan Ilmu-ilmu Islam

Prof. Madya Dr. Abdullah Alwi Haji Hasan\*

## Pendahuluan

Rencana ini cuba menyorot dan menilai kembali secara ringkas berkenaan pencapaian umat Islam silam dalam pengembangan ilmu hukum atau undang-undang. Penekanan dalam penganalisaan tajuk ini diberikan kepada beberapa aspek berkaitan dengan sejarah pertumbuhan awalnya sehingga peringkat kematangan dan kemuncak kegemilangannya.

Bidang hukum atau undang-undang ini adalah salah satu bidang yang terpenting dalam sejarah keilmuan dan tamadun Islam. Sebagai sebuah agama yang syamil (lengkap) dan mempunyai sifat kesyumulannya, Islam tetap tidak bersikap cuai terhadap bidang ini dalam pertumbuhan dan perkembangan tamadunnya.

## Latarbelakang

Setelah Rasulullah s.a.w. wafat pada tahun 10 Hijrah (631 M) perluasan pemerintahan Islam berlaku begitu cepat sekali. Dalam masa lima belas tahun sahaja

---

*Prof. Madya di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya dalam bidang Perundangan dan Politik Islam*

umat Islam telah menguasai beberapa kawasan di tiga buah benua, iaitu merentang daripada Sepanyol ke China melalui Afrika Utara. Malahan pada tahun 21 Hijrah (732 M) kekuasaan orang Islam telah menjangkau sampai ke Perancis di sebelah Barat dan Sungai Indus (*Benua Kecil India*) serta Asia Tengah di sebelah Timur.

Lima belas tahun kemudiannya pula umat Islam telah berpecah kepada beberapa kumpulan besar, iaitu Syi'ah, Sunni dan Khawarij dengan memiliki sistem perundangan tersendiri. Kumpulan ini terus berpecah dan tidak pernah bersatu sehingga sekarang.<sup>1</sup>

### Pertumbuhan Mazhab Fiqh

Setelah umat Islam menakluki sebahagian besar dunia, pertembungan kebudayaan di kalangan umat Islam mula berlaku. Pertembungan kebudayaan dan tamadun ini telah mengakibatkan kelahiran berbagai fahaman, termasuk beberapa fahaman dalam bidang perundangan.<sup>2</sup> Pada masa yang sama para sahabat Rasulullah s.a.w. berpindah dari Hijaz dan mengeluarkan fatwa-fatwa sendiri.

Mereka kemudiannya diikuti pula oleh para tabi'in.<sup>3</sup>

Pada zaman tabi'in, proses memperkembangkan pengolahan teori perundangan bermula. Antara tokoh terawal di kalangan tabi'in yang memulakan pengolahan perundangan ini ialah Ibrahim an-Nakha'i (M 95 H/713-4 M) di Kufah, al-Qasim b. Muhammad b. Abi Bakr (M 106 H/724 M), Kharijah b. Zayd b. Thabit (M 92 H/710 M), 'Urwah b. az-Zubayr (M 92H/710 M), Sulayman b. Yasar (M 107 H/725 M), 'Ubaydullah b. 'Abdullah b. 'Utbah b. Mas'ud (M 94-95 H/712-13 M), Sa'id b. al-Musayyab (M 93-94 H/711-12 M), Salim b. 'Abdullah b. 'Umar (M 106 H/724 M) (mereka ini dikenali sebagai Tujuh Ahli Fiqh Madinah) dan 'Ata' b. Abi Rabah (M 114-15 H/732-33M).<sup>4</sup>

Pada zaman pemerintahan dinasti Umayyah (40-129 H/661-750 M), fuqaha' berusaha mencari penyelesaian antara teori dan pengamalan undang-undang. Para khalifah juga meminta para ulama memutuskan hukum terhadap pelbagai persoalan semasa.<sup>5</sup> Suasana demikian berterusan sehingga melahirkan beberapa tokoh perundangan Islam pada zaman pemerintahan dinasti 'Abbasiyah (132-750H/641-1258 M), bagi mengisi kekosongan yang berlaku. Antara tokoh terkemuka di kalangan mereka ialah Abu Hanifah an-Nu'man b. Thabit (M 150 H/767 M), yang telah memulakan penyelidikan di bidang hukum dan undang-undang dengan membuat pengolahan teori perundangan secara bersistematis.<sup>6</sup> Sebagai perkembangan selanjutnya, pada zaman pemerintahan dinasti 'Abbasiyah (132-750 H/641-1258 M) ini, selain Abu Hanifah, muncul pula beberapa ulama agung yang telah menjadi pengasas kepada perkembangan sains fiqh Islam. Antara mereka ialah 'Abd al-Rahman b. 'Amr al-Awza'i (M 159 H/774 M), Sufyan b. Sa'id ath-Thawri (M 161 H/778 M), Malik b. Anas (M 179H/795 M), Abu Yusuf Ya'qub b. Ibrahim (M 182 H/798 M), Muhammad b. al-Hasan asy-Syaybani (M 189 H/805 M) dan Ahmad b. Hanbal (M 241 H/855 M). Sebelum mereka al-Imam Abu Ja'far Muhammad al-Baqir (M 114-120 H/731-37) dan anaknya al-Imam Abu'Abdullah Ja'far as-Sadiq (M148 H/765 M) telahpun memperkenalkan kaedah-kaedah *'Ilmu Usul al-Fiqh* (Ilmu prinsip undang-undang).<sup>7</sup>

Pada masa pemerintahan dinasti Umayyah, undang-undang Islam berkembang di kalangan rakyat biasa dan telah melahirkan ramai pakar perundangan Islam. Bagaimanapun mereka memisahkan diri dan tidak mahu bekerjasama dengan pihak pemerintah. Pada masa pemerintahan dinasti ‘Abasiyyah pula, walaupun ada usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memujuk fuqaha’ (pakar perundangan) bekerjasama dengan mereka tetapi fuqaha’ tetap enggan berbuat demikian bila mereka melihat dinasti ‘Abbasiyah juga sama seperti dinasti Umayyah. Dinasti Umayyah mengamalkan sistem beraja mutlak (*absolute monarchy*) yang pada anggapan mereka bertentangan dengan prinsip undang-undang perlombagaan Islam.<sup>8</sup>

Proses pembentukan undang-undang Islam pada masa ini berlaku secara persendirian di kalangan sarjana undang-undang yang bebas daripada kongkongan kerajaan. Mereka boleh dikatakan mengikut arus pemikiran perundangan yang tidak berketentuan.

Pada asasnya undang-undang berpandukan al-Quran, tetapi dicampuradukkan dengan pemikiran perundangan persendirian (*ra'y/juristic reasoning*). Pada masa yang sama falsafah Greek dan Sanskrit telah mempengaruhi pemikiran tentang undang-undang ini. Dalam suasana yang gawat ini lahirlah seorang ulama bernama Abu Abdullah Muhammad b. Idris asy-Syafi‘i pada tahun 150 Hijrah (767 M).<sup>9</sup>

Beliau telah mendapat pengetahuan dan pengalaman luas hasil daripada pengembalaan keilmuannya.<sup>10</sup> Pada peringkat awal penerokaan terhadap ilmu hukum Islam, beliau hanya berpegang kepada formasi mazhab Makkah-Madinah-Yaman. Tetapi, selepas berada di ‘Iraq untuk beberapa ketika bagi mempelajari ilmu undang-undang Islam beliau mula menerima rasional mazhab ‘Iraq, yang lebih cenderung kepada penggunaan pemikiran perundangan persendirian (*ra'y*). Akhir sekali beliau menetap di Mesir dan bertemu dengan fuqaha’ di sana. Dalam bidang undang-undang beliau telah menghasilkan banyak fatwa dan teori berhubung dengan prinsip-prinsip perundangan Islam. Hasil-hasil ini kemudiannya disalinkan dan diterbitkan kembali dalam bentuk buku-buku perundangan oleh para pelajar beliau sendiri untuk menjadi sumber rujukan sehingga ke hari ini. Fatwa dan teori perundangan ini telah merefleksikan perkembangan terakhir metodologi mazhab beliau.<sup>11</sup>

Asas-asas perundangan mazhab al-Syafi‘i telah dijelaskan di dalam karya-karya beliau, terutama sekali di dalam kitab al-Umm dan ar-Risalah. Beliau adalah pengasas ilmu usul al-fiqh (*prinsip undang-undang Islam*). Di dalam ar-Risalah diterangkan mengenai prinsip-prinsip pengambilan dan pembentukan hukum berdasarkan al-Quran, al-Hadith, al-Qiyas, al-Ijma’.<sup>12</sup> Asy-Syafi‘i mempunyai penuntut yang ramai yang telah menjadi pakar undang-undang kemudiannya. Antara mereka ialah, al-Buwayti (M 231 H/845 M), Abu Thawr (M 240 H/854 M), Ahmad b. Hanbal (M 241 H/856 M), al-Muzani (M 256 H/869 M), al-Za’farani (M 260 H/873 M) dan al-Muradi (270 H/833 M).<sup>13</sup> Mazhab ini telah tersebar luas ke beberapa negara Islam, termasuk negara-negara Islam di Asia Tenggara. Di samping asy-Syafi‘i, ramai fuqaha’ yang telah menubuhkan mazhab mereka sendiri. Tetapi yang tinggal sehingga kini hanya empat mazhab Sunni dan satu mazhab Syi‘ah yang masih lagi diamalkan secara meluas di dunia Islam. Mazhab-mazhab Sunni itu selain daripada mazhab asy-Syafi‘i ialah

mazhab al-Hanafi yang dipelopori oleh al-Imam Abu Hanifah Nu'man b. Thabit, mazhab al-Maliki yang diasaskan oleh al-Imam Malik b. Anas dan mazhab al-Hanbali yang diperkenalkan oleh al-Imam Ahmad b. Hanbal. Mazhab Syi'ah yang masih diamalkan ialah mazhab al-Imamiyyah al-Ja'fariyyah, sebagaimana yang terdapat di Iran dan 'Iraq sekarang. Mazhab ini diasaskan oleh al-Imam Ja'far as-Sadiq (M 148 H/765 M), iaitu cicit kepada al-Imam al-Husayn b. Abi Talib. Beliau juga guru kepada al-Imam Abu Hanifah dan al-Imam Malik b. Anas.<sup>14</sup>

Perkembangan pemikiran undang-undang Islam ini terbantut di kalangan pengikut-pengikut Sunni, setelah sesetengah pihak menganggap bahawa pintu ijihad (pengembangan dan penyelesaian hukum terhadap masalah-masalah semasa) sudah tertutup. Anggapan sedemikian berlaku setelah al-Imam Abu Ja'far Muhammad b. Jarir at-Tabari meninggal dunia pada tahun 310 H atau 923 M. Tetapi, setelah lahirnya gerakan reformasi atau tajdid Islam pada akhir abad kelapan belas Masihi, gerakan pembukaan semula pintu ijihad dalam bidang perundangan Islam ini dimulakan kembali. Antara tokoh-tokoh pembaharuan itu ialah, Jamal ad-Din al-Afghani (1839-1897), Muhammad 'Abduh (1849-1905) dan lain-lain lagi.<sup>15</sup>

### Perkembangan Perundangan Islam Di Asia Tenggara

Proses pengilman masyarakat Islam di rantau ini telah bermula sejak Islam tiba ke Perlak dan Samudera-Pasai di Sumatera Utara pada abad ketiga belas Masihi. Menurut Ibn Batutah r.a. (M 1345 M), pada masa beliau melawat Pasai, raja negeri itu sentiasa menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan Islam di kalangan rakyatnya. Raja ini juga telah membawa masuk beberapa cerdik pandai dari negara-negara Islam yang lain untuk mengembangkan ilmu pengetahuan di negerinya<sup>16</sup> sehingga negeri itu telah menjadi pusat pengajian ilmu Islam di Asia Tenggara.<sup>17</sup>

Pada zaman kegemilangan kesultanan Melaka (1400-1511 M), pengaruh perundangan Islam amat jelas sekali apabila *Risalat Hukum Kanun* dan *Undang-undang Laut Melaka*<sup>18</sup> diperkenalkan dan diamalkan. Kedua-dua undang-undang ini telah menjadi sumber rujukan kepada *Undang-undang Melayu Lama* di negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>19</sup>

Kesultanan Aceh (1507-1675 M) pula telah melahirkan ramai tokoh ulama yang telah meninggalkan pusaka yang berharga dalam bidang perundangan Islam. Antara mereka ialah Syaykh Nuruddin ar-Raniri (M 1069 H/1658 M) yang telah menulis buku *Sirat al-Mustaqim*,<sup>20</sup> Syaykh 'Abdul Ra'uf as-Sinkili (1615- 1693 M), yang telah mengarang beberapa kitab, antaranya '*Umdat al-Ahkam* dan *Mir'at at-Tullab*'.<sup>21</sup>

Di Semenanjung Tanah Melayu telah lahir seorang ulama iaitu Da'ud b. 'Abdullah al-Fatani yang aktif menulis pada abad kesembilan belas. Antara karya beliau ialah *Furu' al-Masa'il*, yang ditulis dalam tahun 1254 H/1839 M.<sup>22</sup>

Antara ulama yang masyhur di Semenanjung Tanah Melayu pada masa yang sama pula ialah Tuan 'Abdul Samad b. Muhammad Salih al-Kelantani (Tuan Tabal) (M 1891 M). Beliau telah mengarang kitab-kitab *Bidayat at-Ta'lim* dan lain-lain lagi.<sup>23</sup> Seorang lagi ulama tempatan yang terkenal ialah Sayyid 'Abdul Rahman b. Muhammad

al-'Idrus (Tukku Paloh) (M 1336 H/1917 M) di Terengganu.<sup>24</sup>

Gerakan pembaharuan Islam juga telah mempengaruhi pengembangan keilmuan Islam, termasuk bidang ilmu perundungan di Asia Tenggara. Gerakan ini dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu di Timur Tengah di sekitar tahun 1904. Gerakan pembaharuan ini telah dipelopori oleh Jamal ad-Din al-Afghani (H 1839 - 1897 M) dan al-Imam al-Sayykh Muhammad 'Abduh (H 1849 - 1905 M). Pengaruh pembaharuan ini telah disebarluaskan di Malaysia oleh Syaykh Tahir Jalal ad-Din (H 1861 - 1957 M), Syaykh Muhammad b. Salim al-Kalali, Sayyid Syaykh b. Ahmad al-Hadi (H 1867-1934 M) dan Haji 'Abbas b. Muhammad Taha dengan menerbitkan *Majalah al-Imam* di Singapura pada tahun 1906. Mereka ini telah mempelopori pembaharuan Islam bersama dengan Syaykh Muhammad Jamil Jambek dan Syaykh 'Abdul Karim Amrullah di Sumatera. Syaykh 'Abdullah b. Ahmad pula menerbitkan majalah *al-Munir* di Padang Sumatera pada tahun 1908<sup>25</sup> dan diikuti oleh *Pengasuh*, yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1918. Antara pengarang Pengasuh pada peringkat awalnya ialah Haji Muhammad Yusuf b. Ahmad (Tok Kenali) (H 1868-1933 M)<sup>26</sup>

Sebagai penyambung kepada perkembangan keilmuan Islam di Malaysia lahirlah pula Zainal 'Abidin b. Ahmad (Za'ba) (H 1895-1973 M). Dengan berpendidikan agama dan sekular melalui bahasa Arab dan bahasa Inggeris, beliau telah menyumbangkan unsur-unsur keintelektualan Islam.<sup>27</sup> Pada masa yang sama di Indonesia lahir pula Haji 'Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) (H 1325-1401 M/H 1908-1981 M). Beliau merupakan seorang tokoh ulama prolifik di Asia Tenggara. Jumlah karya beliau ialah sebanyak seratus lapan belas semuanya, termasuk di bidang hukum. Karyanya yang terbesar ialah *Tafsir al-Azhar* (tiga puluh jilid).<sup>28</sup> HAMKA merupakan salah seorang ulama yang termasyhur di Asia Tenggara pada abad kedua puluh. Beliau telah berjaya menggabungkan agama, falsafah sastera dan sejarah dalam pengolahan terhadap keilmuan Islam dan telah melahirkan satu bentuk kesusastraan Melayu Islam yang tersendiri.

Pengembangan ilmu-ilmu hukum Islam di alam Melayu ini terus disemarakkan lagi dengan lahirnya gerakan dakwah Islamiyyah yang bermula pada awal tahun 1970-an. Pelbagai maqalah dan kitab agama telah diterjemahkan daripada bahasa Arab dan Inggeris ke dalam bahasa Melayu, di samping beberapa banyak rencana dan buku-buku agama, sama ada berbentuk akademik atau separuh akademik, yang ditulis oleh para ulama tempatan. Antara rencana dan buku ini termasuk juga dalam bidang perundungan Islam. Rencana kitab atau buku ini juga bukan lagi tertumpu kepada perbincangan yang merangkumi sesuatu mazhab tertentu sahaja, malahan meliputi kesemua mazhab yang dianggap mu'tabar dan sah dalam Islam. Perbincangan tentang hukum pada masa kini juga bersifat menyeluruh atau komprehensif serta mempunyai ruang lingkup yang universal. Terdapat juga dalam penulisan hukum Islam masa kini unsur-unsur pembaharuan, ijtihad dan berorientasikan penerokaan terhadap bidang ilmiah yang terkini dan praktikal.

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, perkembangan pengajian hukum Islam ini telah memuncak pada abad keempat Hijrah atau abad kesepuluh Masihi. Perkembangan ini telah terencat kemudiannya, malahan pintu ijtihad juga dianggap sudah ditutup. Setelah itu, ilmu hukum Islam ketinggalan jauh dalam mengejar keseimbangan dengan perkembangan semasa. Ilmu hukum Islam juga amat memerlukan pembentukan formula baru selengkapnya bagi memecahkan selera untuk umat Islam dan bagi dunia yang terus berada dalam kejahanan keagamaan.

Di tengah-tengah kekosongan dan kelenaan umat Islam ini, lahirlah beberapa tokoh terbilang yang membela Islam setelah mengalami kemunduran beberapa abad yang silam. Hal ini bermula pada abad kesembilan belas Masihi (abad ketiga belas Hijrah). Antara mereka ialah Jamal ad-Din al-Afghani, (H 1839 -1897 M) yang tinggal di Asia Tengah dan Eropah, Syaykh Muhammad 'Abduh (H 1849-1905 M) dan Syaykh Rasyid Rida (H 1865-1935 M) di Mesir, Sayyid Amir 'Ali (H 1849-1928 M) dan Sir Muhammad Iqbal (1876-1938 M) di India. Mereka telah membina corak aliran pemikiran dan keilmuan Islam moden, yang kemudiannya disambung oleh para ulama dan aktivis Islam terkemudian, seperti asy-Syahid Hasan al-Banna (M 1949 M) dan asy-Syahid Sayyid Qutb (M 1965 M) di Mesir. Abul A'la al-Maududi (M 1981 M) di India dan Pakistan dan Ayatullah Ruhullah al-Khomeini (M 1990 M) di Iran. Di samping itu terdapat beberapa ramai tokoh ulama tradisional yang lahir dari semasa ke semasa di seluruh dunia Islam. Mereka mengeluarkan pelbagai fatwa dan cuba mengolah banyak segi ilmu, termasuk perundungan, untuk memberi jawapan kepada semua persoalan semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Pada asasnya boleh dikatakan semua ulama ini telah membawa era baru kepada kedinamikan 'Ulum Islamiyyah pada masa kini, setelah sekian lama menjadi beku dan tidak membawa sesuatu pembaharuan.

Hasil *tajdid* (pembaharuan) keilmuan ini dapat juga dirasakan di Asia Tenggara dengan lahirnya tokoh-tokoh keilmuan untuk mengubah corak konservativisme alam pemikiran Islam tempatan. Usaha ini telah disambung oleh para penggerak kebangkitan dakwah Islamiyyah pada tahun sembilan belas tujuh puluhan dan sembilan belas lapan puluhan Masihi. Pada tahun sembilan belas sembilan puluhan ini pula diharapkan berlakunya perubahan yang lebih progresif, dinamik, 'amali dan waqi'i dalam pertumbuhan dan perkembangan keilmuan Islam tempatan untuk direalisasikan dalam masyarakat dan pentadbiran negara secara lebih efektif dan komprehensif. Para ulama tempatan juga diharapkan dapat menghasilkan karya-karya mereka dalam ilmu Islam secara lebih kreatif, ijtihami dan sesuai untuk diaplikasikan dalam semua bidang kehidupan harian umat Islam di Asia Tenggara pada zaman kecanggihan sains dan teknologi ini.

### Nota Kaki

1. Muhammad Hamidullah, 'Contribution of ash-Shafi'i to the Science of Law,' *Jurnal Undang-undang (Journal of Malaysian and Comparative Law)*, Vol. 2, Part I (Kuala Lumpur, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, Januari, 1975), halaman 49.
2. Muhammad Abu Zahrah, *asy-Syafi'i* (Kaherah, t.t.), halaman 92-134.
3. Muhammad Hamidullah, op.cit., halaman 53-54.
4. Ibid, halaman 53-54, Ahmad Amin, *Duha al-Islam*, II (Kaherah, 1979), halaman 180, 208 dan 222.
5. Yazid b. Muhammad Azdi, *Tarikh al-Mawsil*, suntingan Abu Habibah (Kaherah, 1387 H/1967), halaman 42.
6. Ahmad Ibrahim, *Islamic Law in Malaya* (Singapura, 1965), halaman 119-120; Muhammad Hamidullah, op.cit., halaman 51-52; Kemal A. Faruki, op.cit., halaman 30)
7. Muhammad Abu Zahrah, *Usul al-Fiqh* (Kaherah, t.t.), halaman 14-15; Muhammad Hamidullah, op.cit., halaman 56.
8. Kemal Faruki, op.cit., halaman 29-34.
9. Muhammad Hamidullah, op.cit., halaman 50.
10. Lihat Abdullah Alwi bin Haji Hassan, 'Al-Syafi'i Sejarah Hidup dan Metodologi Mazhab Fiqhnya,' dalam *ISLAMIKA IV* (Jurnal Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, 1991, halaman 69-73.
11. Ibid, halaman 75-83.
12. Ibid, halaman 81-83.
13. Ibid, halaman 72 dan 80.
14. Untuk mengetahui lebih lanjut berhubung dengan perkembangan mazhab-mazhab ini, lihat Ahmad Ibrahim, op.cit., halaman 45-145.
15. Ibid, Joseph Schacht, *An Introduction to Islamic Law* (London, 1964), halaman 69-75 dan 212.
16. Ibn Batutah, *Rihlah* (Paris, 1993), halaman 230-235.
17. Ibid
18. Lihat Liau Yock Fang, *Undang-undang Melaka* (The Hague, 1976).

19. M.B. Hooker 'The Law Texts of Muslim South-East Asia' dalam M.B. Hooker (ed.) *Laws of South East Asia*, vol. 1 (Singapura, 1986), halaman 376-394.
20. R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature* (Kuala Lumpur, 1977), 145; Dr. Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu* (Petaling Jaya, 1986), halaman 128-129.
21. Dr. Ismail Hamid, op. cit., halaman 129-130; R.O Winstedt, op. cit., halaman 147.
22. Mohd. Nor b. Ngah, 'Islamic World-View of Man, Society and Nature Among the Malay in Malaysia', dalam Mohd. Taib Osman (ed.), *Malaysian World-View*, (Singapura, 1983), halaman 6-8.
23. Muhamad 'Uthman El-Muhammady, *Peradaban Dalam Islam* (Kota Bharu, 1982), Halaman 247-249.
24. Mohamad b. Abu Bakar, 'Sayid Abdul Rahman B. Muhammad (Al-'Idrus), (Tukku Paloh), dalam *Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur, tt.), halaman 34-51.
25. W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (Kuala Lumpur, 1974), Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA), 'Pengaruh Islam Dalam Sastera Melayu', dalam *Islam dan Kebudayaan Melayu* (kumpulan kertas-kertas kerja Seminar Kebudayaan, anjuran Persatuan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia II pada 25 - 28 Julai 1976 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Petaling Jaya), (Kuala Lumpur, 1977), halaman 59 - 66.
26. Abdullah al-Qari b. Haji Salleh 'To' kenali: His Life and Influence', halaman 93; dan Abdul Rahman al-Ahmadi, 'Notes Towards a History of Malay Periodical in Kelantan,' halaman 172-174, dalam W.R. Roff (ed.), *Kelantan-Religion, Society and Politics in a Malay State* (Kuala Lumpur, 1974).
27. Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA), op. cit., halaman, 178.
28. Untuk mengetahui lebih lanjut berhubung dengan Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA), lihat H. Rusydi, *Peribadi dan Martabat Buya Prof. Dr. Hamka* (Jakarta, 1983).